

27/08/1998

Sokong cadangan mansuh 10 undi

KUALA LUMPUR, Rabu - Cadangan memansuhkan pemberian 10 undi akar umbi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden Umno serta pindaan umur menjadi ahli parti daripada 18 kepada 16 tahun, sudah dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata pindaan itu akan dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) untuk dipertimbangkan.

"Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno sudah memutuskan untuk memansuhkan pemberian undi akar umbi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden sebagai salah satu langkah membendung politik wang.

"Jawatankuasa juga bersetuju menurunkan had umur menjadi ahli daripada 18 tahun sekarang kepada 16 tahun," katanya kepada pemberita selepas melancarkan jenama Malaysia OK di Restoran Jejantas Sungai Buloh, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Naib Pengerusi Eksekutif Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus), Tan Sri Halim Saad dan ahli lembaga pengarahnya, Prof Diraja Ungku Aziz.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata soal sama ada pindaan itu diterima atau sebaliknya, bergantung kepada mesyuarat MT.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada cadangan pindaan itu akan dibawa pada mesyuarat MT minggu depan.

Menjawab soalan, Sabbaruddin berkata, Dr Mahathir akan mengekalkan jawatan tanpa bertanding selepas semua badan perhubungan parti itu mencalonkan beliau sebagai Presiden Umno.

Bagaimanapun, katanya, pencalonan perlu dibuat oleh Umno Bahagian terlebih dahulu sebelum pengisytiharan dibuat.

"Memang setakat ini semua Badan Perhubungan Umno (negeri) sudah mengumumkan akan mencalonkan semula Dr Mahathir sebagai Presiden," katanya.

Sebelum ini Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Perak dan Selangor mengumumkan, semua bahagian di negeri berkenaan akan mencalonkan Dr Mahathir mengekalkan jawatan sebagai Presiden Umno.

(END)